

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (TENGAH)

TARIKH: 30 OGOS 2017

MUKA SURAT: 18

**Kuala Lumpur**

## **8 tan sampah dikompos jadi baja**

Hampir 8 tan daripada 80 tan atau 10 peratus sampah dikomposkan menjadi baja sepanjang 10 hari penganjuran Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017).

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Datuk Mohammad Mentek berkata, semua sampah itu dikumpulkan di tiga lokasi utama KL2017 iaitu sekitar Bandar Sukan Bukit Jalil, Pusat Konvensyen Kuala

Lumpur (KLCC) dan Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC).

“Berdasarkan rekod, 80 tan sampah dikumpulkan di tiga lokasi penganjuran KL2017.

“Kira-kira 33 tan daripadanya dirawat menggunakan teknologi baru dan dijana semula di sekitar stadium manakala selebihnya dihantar ke pusat pelupusan sampah untuk dilupuskan,” katanya.